



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
1 Oktober 2023**

MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA DI PULAU PINANG TELAH BERMULA, DIBUKA KEPADA SEMUA LAPISAN MASYARAKAT

Karnival literasi kewangan terbesar kembali lagi, dengan hadiah bernilai hampir RM1.4 juta untuk dimenangi

BERTAM, 1 Oktober 2023: Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini memulakan karnival literasi kewangan tahunannya, Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM), di Bertam, Pulau Pinang, dari 30 September hingga 8 Oktober 2023.

Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Utama Anwar bin Ibrahim telah merasmikan MSAM 2023 di Setia Fontaines, Bertam, Pulau Pinang. Turut hadir, Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow, Penggerusi Kumpulan PNB, YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn, dan kepimpinan kanan PNB serta syarikat strategiknya yang merupakan rakan korporat MSAM 2023.

Memulakan perjalanan pertamanya pada tahun 2000 di Kuala Lumpur dengan 60,000 pengunjung, MSAM telah menyaksikan pertumbuhan yang mengagumkan dalam bilangan pengunjungnya.

Sepanjang tahun-tahun tersebut, acara ini telah menerima lebih 3.9 juta pengunjung, menarik pengunjung dari kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar.

Tema MSAM tahun ini, "Bijak Melabur, Santai Berhibur", mencerminkan usaha berterusan PNB untuk meningkatkan kesedaran mengenai literasi kewangan dengan pendekatan yang menarik.

YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad berkata, "Tahun ini, MSAM memberikan fokus kepada elemen STEM iaitu Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik yang diterapkan dalam kandungan dan ruang pameran."

“Matlamat kami adalah memberi inspirasi kepada semua khususnya golongan muda untuk terus menimba ilmu dan mengejar pendidikan tinggi serta menceburi bidang STEM,” tambah beliau.

Kedua-dua agenda MSAM 2023 untuk meningkatkan tahap literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia dan menggabungkan elemen STEM juga selaras dengan visi Penang2030 yang dilancarkan pada Ogos 2018 dengan penekanan kepada pembangunan institusi keluarga dan aspek-aspek negeri hijau dan pintar.

Acara yang berlangsung selama sembilan hari ini juga menampilkan gerai-gerai rakan korporat MSAM 2023, syarikat strategik dan teras terpilih, membolehkan pengunjung memahami bagaimana hasil pelaburan dalam syarikat-syarikat ini diperoleh dan diedarkan kepada pemegang unit dalam bentuk pengagihan pendapatan.

MSAM 2023 menyediakan pelbagai aktiviti pendidikan pelaburan dan pameran yang disertai kira-kira 50 pempamer, terdiri daripada syarikat-syarikat Kumpulan PNB, bank, badan kawal selia, dan agensi Kerajaan Negeri.

Pengunjung MSAM 2023 yang mendaftar melalui “PNB Events App” berpeluang untuk memenangi hadiah bernilai hampir RM1.4 juta. MSAM 2023 dibuka setiap hari dari 30 September hingga 8 Oktober dari 10 pagi hingga 10 malam. Pendaftaran adalah percuma dan perkhidmatan pengangkutan percuma juga disediakan untuk pengunjung dari pelbagai lokasi.

Buat pertama kali tahun ini, MSAM juga akan disiarkan secara langsung melalui laman Facebook dan YouTube rasmi MSAM. Untuk maklumat lanjut sila layari www.pnb.com.my/msam.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 17 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 280 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad